

Perdana Menteri terima kunjungan hormat anak Presiden Turkiye

M/S: 2

BH - 8/12/2022

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima kunjungan hormat Bilal Erdogan, anak Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan.

Kunjungan itu menyusul kira-kira dua minggu selepas Anwar menerima panggilan daripada Tayyip Erdogan yang merakam ucapan tahniah beberapa jam selepas Ahli Parlimen Tambun berkenaan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November lalu.

Hubungan baik Malaysia dan Turki, khususnya secara peribadi antara Anwar dan keluarga Erdogan, bukan rahsia dan menerusi perkongsian di Facebook semalam, Perdana Menteri ber-

harap, kunjungan Bilal akan terus mempererat hubungan kedua-dua negara.

“Meraikan saudara Bilal Erdogan yang membuat kunjungan ke Kuala Lumpur. Insya-Allah, hubungan antara kedua-dua negara Malaysia dan Turki terus dipererat,” katanya.

Pada 2018, Anwar pernah menjalani pembedahan tulang belakang dan bahu di Medipol Mega University Hospital, Istanbul dan beliau juga dikunjungi Tayyip Erdogan dan isterinya selepas menjalani pembedahan.

Anwar sebelum ini juga menegaskan menggunakan hubungan baiknya dengan pihak luar negara untuk menarik pelaburan ke Malaysia.



Anwar menerima kunjungan hormat Bilal di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Twitter AnwarIbrahim)